



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	8/1/2020	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	SPAN / LAP / LRA			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

LRA Jalan Baru kembali operasi

Selepas dihentikan sementara kerana kualiti air di dalam takungan merosot

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Loji Rawatan Air (LRA) Jalan Baru, Parit Buntar menyambung semula operasi selepas dihentikan sementara kerana kualiti air di dalam takungan merosot.

Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Perak, Abdul Yunus Jamhari berkata, melalui pemantauan yang dibuat Lembaga Air Perak (LAP) menunjukkan kualiti air mentah bertambah baik di kawasan terjejas iaitu di Parit Buntar, Tanjung Piandang dan Kuala Kurau.



LEMBAGA AIR PERAK



FOTO: HHSAN LAP PERAK

Penduduk di sekitar Tanjung Piandang beratur mendapatkan bekalan air bersih daripada lori LAP yang dibekalkan sementara disebabkan pemberhentian operasi LRA Jalan Baru sebelum kembali beroperasi petang semalam.

“Loji tersebut mula beroperasi jam 3 petang tadi (semalam) apabila kualiti air terusan kembali normal. Bekalan air bersih telah disalurkan kepada pengguna-pengguna secara berperingkat dan dijangka pulih sepenuhnya pada lewat malam.

“LAP mengucapkan terima kasih kepada semua agensi-agensi yang telah memberikan kerjasama dalam membantu

menyelesaikan masalah ini,” katanya menerusi kenyataan media semalam.

Dalam pada itu, pihak LAP juga memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi oleh pengguna-pengguna di kawasan yang terjejas.

Terdahulu, LAP bertindak memberhentikan sementara operasi LRA Jalan Baru, Parit Buntar susulan aduan penduduk dan maklumat tular di laman sosial mengenai keadaan air yang dipercayai tercemar.